

MCA Tidak Tolak Letak Calon Dari Kalangan Bukan Ahli Parti
mStar Online
April 17, 2012

PUTRAJAYA: MCA tidak menolak kemungkinan meletakkan bukan ahli parti sebagai calon pada pilihan raya umum ke-13 nanti.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, situasi itu bukan sahaja boleh berlaku tetapi juga tidak mustahil untuk dilakukan.

"Apa pun yang pasti ialah akan ada muka baru yang kita akan ketengahkan nanti termasuklah calon-calon dari kalangan pemuda dan wanita," katanya yang juga menteri pengangkutan kepada para pemberita ketika ditemui di sini selepas majlis anugerah khidmat cemerlang kementerian itu pada Selasa.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/4/17/mstar_berita/20120417152630&sec=mstar_berita